

NO. SOALAN : 37

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[LEMBAH PANTAI]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8265

SOALAN:

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan rasional Kerajaan membenarkan Sirul Azhar Umar keluar dari negara ketika rayuan pendakwa raya dalam kes pembunuhan Altantuya Shaaribu sedang didengar di Mahkamah Persekutuan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, berdasarkan semakan rekod Jabatan Imigresen Malaysia, Sirul Azhar Umar memiliki pasport Malaysia antarabangsa yang dikeluarkan pada 11 April 2014 berlaku sehingga 11 April 2019. Rekod Jabatan Imigresen Malaysia juga menunjukkan pergerakan keluar Sirul Azhar Umar ke Australia mengikut pintu masuk yang diwartakan pada 18 Oktober 2014.

Pada masa tersebut, Sirul Azhar Umar tidak dihalang dari meninggalkan negara kerana tiada suatu perintah atau arahan yang dikeluarkan kepada Jabatan Imigresen Malaysia bagi menyekat pergerakan beliau ke luar negara.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Imigresen Malaysia tidak dapat menghalang seseorang yang hendak keluar atau masuk negara sekiranya nama seseorang tidak tersenarai dalam senarai syak Jabatan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTA JAM]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015 (RABU)

TUAN SIM CHEE KEONG [BUKIT MERTA JAM] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan status siasatan Malaysia Competition Commission (MyCC) terhadap monopoli MyEG dalam kontrak pembaharuan permit pekerja asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sudah melengkapkan penyiasatannya terhadap MyEG Services Berhad (MyEG). Pada 6 Oktober 2015, MyCC telah mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap MyEG. Dalam keputusan cadangan tersebut, MyCC telah mendapati bahawa MyEG telah melanggar Seksyen 10 di dalam Akta Persaingan 2010 dengan menyalahgunakan kedudukan dominan di dalam peruntukan dan pengurusan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) atas talian atau permohonan pembaharuan Permit Pekerja Asing, dengan mengenakan syarat yang berlainan kepada transaksi yang setera pihak perdagangan lain ke suatu takat yang boleh memudaratkan persaingan dalam pasaran.

Dalam keputusan cadangan yang sama, MyCC mengenakan cadangan penalti kewangan sebanyak RM307,200.00 dan tambahan penalti sebanyak RM15,000.00 untuk setiap hari jika MyEG gagal untuk mematuhi tindakan-tindakan yang berikut:

- a. MyEG Commerce Sdn. Bhd. menamatkan perjanjian dengan agensi sedia ada yang berkaitan dengan insuran mandatori dan tidak dibenarkan untuk memasuki mana-mana perjanjian dengan agensi yang menjalankan perkhidmatan yang sama; dan
- b. MyEG menyediakan penyelesaian yang efektif kepada semua syarikat yang menjual insuran mandatori dan membenarkan mereka bersaing di peringkat yang sama.

Dalam hal ini, MyEG mempunyai tiga puluh (30) hari bekerja dari tarikh penerimaan Keputusan Yang Dicapangkan untuk mengemukakan representasi kepada MyCC. MyCC kemudian akan membuat keputusan muktamadnya di bawah Seksyen 40 Akta Persaingan 2010 selepas ia mempertimbangkan representasi MYEG.